

Pelajar UniSZA harumkan negara di pentas dunia

KUALA NERUS - Dua pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih tempat ketiga pada Pertandingan Konsultasi Klien Piala Louis M Brown Forest S Moten (ICCC) 2018 yang berlangsung di Universiti Maastrich, Belanda, minggu lalu.

Kejayaan manis itu dilakar pelajar tahun akhir

Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Nallina Sanmugarajan, 24 dan Raagini Sama Sundram, 23, selepas berjaya menewaskan pasukan dari negara Kanada, Croatia, Australia, Belanda dan New Zealand pada pusingan separuh akhir.

Menurut Nailla, kejayaan itu dihadiahkan kepada semua pihak yang banyak membantu terutamanya pengurusan UniSZA.

Katanya, kejayaan meraih tempat ketiga itu tidak pernah dijangka apatah lagi berdepan dengan pasukan hebat dari seluruh dunia.



Dua pelajar UniSZA yang berjaya harumkan nama negara di pentas antarabangsa.

“Penghargaan ini juga saya berikan kepada rakan pasukan, Raagini dan UniSZA kerana memberi peluang kepada kami beraksi ke peringkat antarabangsa serta mewakili Malaysia ke pertandingan ini.

“Kami sangat bersyukur kerana diberi peluang untuk mengharumkan nama negara dan universiti yang kami

sayangi ini hingga ke peringkat tinggi ini.

“Diharap kejayaan yang dicapai ini akan memberi inspirasi kepada rakan-rakan yang lain untuk berjaya pada masa akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, pasukan Amerika Syarikat muncul pemenang pertama dan Scotland menduduki tempat kedua.